

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH JAWAPAN : 31 OKTOBER 2017

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kos pembinaan Empangan Mengkuang dan sebab ia lewat dan bilakah ia akan siap. Nyatakan bila ia akan siap dan bilakah projek sokongan akan dilaksanakan seperti Stesen Pam Air '*Intake*' di Lahar Yooi, Seberang Perai Utara sebanyak RM180 juta dan Baraj Rantau Panjang di Sungai Air berharga RM100 juta.

37

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, pelaksanaan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang dibahagikan kepada empat (4) fasa iaitu:

1) Fasa 1: Pembinaan Empangan dan Kerja-Kerja Berkaitan.

Projek telah siap pada 10 April 2017 dengan kos kontrak sebanyak RM 607 juta.

2) Fasa 2A: Menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong dan Kerja-Kerja Berkaitan.

Projek telah siap pada 28 September 2017 dengan kos kontrak sebanyak RM 63.5 juta.

3) Fasa 2B: Kerja-kerja Penyaluran Air Mentah Dari Stesen Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua.

Projek ini sedang dalam proses pengambilan balik tanah. Kerja-kerja fizikal akan bermula apabila proses pengambilan tanah dapat diselesaikan oleh JKPTG Pulau Pinang yang dijangka pada suku ketiga tahun 2018. Penyiapan kerja dianggarkan pada bulan Mac 2020 sekiranya proses pengambilalihan tanah dapat diselesaikan

pada suku ketiga tahun 2018. Anggaran kos adalah sebanyak RM100juta.

4) Fasa 2C: Pembinaan Rumah Pam di Terusan Sg. Dua (di Lahar Yooi, Seberang Perai Utara)

Pada masa sekarang, tiada keperluan untuk meneruskan projek ini. Namun begitu, sekiranya ada keperluan, projek ini akan dipertimbangkan di bawah *Rolling Plan Ke-4 RMKe-11*.

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini projek Baraj Rantau Panjang ini masih lagi di dalam perancangan dan akan dipohon dalam *Rolling Plan Ke-4 RMKe-11* untuk kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM.

Sekian, terima kasih

.....

39

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK - BN]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2017 (SELASA)

SOALAN NO.25

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos yang digunakan ketika penganjuran Sukan Sea 2017 dan ASEAN Para Games baru-baru ini dan apakah langkah-langkah penjimatan yang dilakukan bagi mengurangkan kos tersebut.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM450 juta kepada Jawatankuasa Pengelola Malaysia (MASOC) bagi penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9, Kuala Lumpur 2017. Sebagai perbandingan, jumlah ini adalah kurang daripada separuh jumlah peruntukan yang digunakan di Singapura untuk menganjurkan temasya yang sama.
2. Oleh yang demikian, pihak kementerian telah mengambil beberapa langkah penjimatan tanpa mengabaikan keperluan utama bagi memastikan penganjuran temasya ini adalah yang terbaik dalam sejarah penganjuran.
3. Antaranya, tiada bangunan baru yang dibina untuk kegunaan temasya selain Velodrom Nasional yang sebenarnya telahpun dibina lebih awal lagi. Perbelanjaan diterhadkan kepada pengubahsuaian dan membaik pulih kemudahan sedia ada untuk kegunaan sebagai lokasi pertandingan.
4. Selain itu, tiada perkampungan atlet dibina untuk temasya kali ini. Sebaliknya, kontingen ditempatkan di hotel-hotel di sekitar Lembah Klang dan lokasi pertandingan yang lain. Dengan cara ini, selain kos penginapan dapat dikurangkan malah pergerakan atlet adalah lebih mudah untuk ke lokasi pertandingan.

41

SULIT

5. Bagi mengurangkan perbelanjaan yang berlebihan, aktiviti pemasaran dan promosi juga difokuskan agar dapat memberikan impak yang lebih, serta memberi penekanan terhadap penggunaan media sosial seperti di YouTube, Facebook, Instagram, Twitter dan aplikasi telefon.
6. Selain itu, penganjuran KL2017 ini juga turut disokong oleh tajaan dari pihak swasta dengan nilai berjumlah RM101.6 juta. Para penaja turut digalakkan untuk membuat aktivasi jenama di atas platform masing-masing seperti promosi yang dilakukan oleh Prudential melalui iklan TV dan papan iklan di seluruh negara, aktiviti promosi yang digerakkan oleh MILO termasuklah cenderahati untuk KL 2017 yang sama seperti PETRONAS, aktivasi jenama di stesen LRT oleh Prasarana dan di lapangan terbang oleh Malaysia Airports dan banyak lagi.

Sekian, terima kasih.